

DATE : MARCH 12, 2016
 MEDIA : BERITA HARIAN
 SECTION : NASIONAL
 PAGE : 6 (PART 2)
 COLOUR : FULL COLOUR
 EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

CLIENT : LEMBAGA TABUNG ANGGATAN
 TENTERA (LTAT)
 TASK : NEWS RELEASE

LTAT umum dividen, bonus khas 12 peratus

» *Kadar tertinggi RM693.8 juta dibayar Isnin kepada ahli*

Oleh **Shahrizan Salian**
 shahrizan_salian@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan dividen enam peratus dan bonus khas enam peratus dalam bentuk unit amanah saham kepada ahli yang aktif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Ia membolehkan pembayaran berjumlah RM693.8 juta. Dividen dan bonus terbabit akan mula dibayar kepada ahli yang mencarum, Isnin ini.

Sepanjang tempoh 43 tahun, purata kadar dividen dan bonus tahunan yang dibayar oleh LTAT ialah 11.3 peratus setahun.

LTAT dalam kenyataannya

semalam berkata, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, ia mencatatkan jumlah pendapatan yang belum diaudit sebanyak RM766.8 juta.

“Jumlah aset setakat akhir tahun lalu pula meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM9.4 bilion, berbanding RM9.3 bilion pada 2014.

“Caruman ahli juga meningkat kepada RM9.1 bilion berbanding RM8.9 bilion sebelumnya,” katanya.

Kadar dividen tertinggi

Pengerusi LTAT, Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor, berkata pihaknya bersyukur dengan pencapaian yang direkodkan dengan menyaksikan dividen tertinggi berjaya diagihkan kepada ahli, walaupun negara dan dunia berhadapan dengan keadaan ekonomi mencabar.

“Dalam konteks ini, LTAT sudah mengambil langkah berjaga-jaga dari segi operasi dan pelaburan bagi memas-

tikan kepentingan dan pulangan kepada ahli terus diutamakan,” katanya.

LTAT sentiasa mengambil berat soal kebajikan ahli, terutama anggota tentera serta ahli keluarga. Ia mempunyai pelbagai rancangan dan program yang jelas untuk anggota dan veteran tentera serta ahli keluarga khususnya dalam bidang latihan, kemahiran, keusahawanan, pendidikan, pemilikan rumah,

bantuan kewangan dan biasiswa bagi anak anggota tentera yang layak.

Bagi tahun dilaporkan, LTAT dan Yayasan Warisan Perajurit (YWP) yang ditubuhkan oleh syarikat Kumpulan LTAT dan diterajui oleh Boustead Holdings Bhd menyampaikan biasiswa dan pelbagai bantuan kewangan berjumlah RM4.1 juta kepada 3,607 anak anggota tentera sedang berkhidmat yang mencatatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan sekolah.



FAKTA NOMBOR

6 peratus

dividen

6 peratus

bonus khas dalam bentuk saham amanah kepada ahli aktif

Sehingga kini, 67,674 anak anggota tentera yang masih berkhidmat dan sudah bersara menerima insentif serta biasiswa berjumlah RM65.8 juta berdasarkan pencapaian akademik cemerlang menerusi pelbagai program.

Bantu veteran ATM

Dalam tahun yang dilaporkan, YWP menyumbang RM239,000 kepada 75 ahli atau balu Peratuan Veteran ATM (PVATM).

Selain itu, RM2.4 juta disalurkan oleh LTAT dan syarikat kumpulannya menerusi Jabatan Hal Ehwal Veteran dan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera untuk pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sukan dan perayaan, termasuk Kempen Hari Pahlawan dan sumbangan bungkusan Hari Raya.